



**SIARAN MEDIA**  
**Jabatan Alam Sekitar (JAS)**  
**Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan**  
**Perubahan Iklim (MESTECC)**  
**19 Mac 2019**

---

**KES PEMBUANGAN HARAM BAHAN KIMIA DI SUNGAI KIM KIM, PASIR**  
**GUDANG**

---

**Keja-kerja pembersihan telah selesai, kualiti udara adalah stabil dan pemantauan diteruskan sehingga 2 April 2019**

19 Mac 2019, Pasir Gudang – Berikutan kes pembuangan haram bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, kerja-kerja pembersihan Sungai Kim Kim telah selesai pada hari ini 19 Mac 2019.

Secara keseluruhannya, kualiti udara di persekitaran Sungai Kim Kim adalah stabil. Namun begitu, pemantauan akan tetap diteruskan sehingga 2 April 2019 dan data akan diterbitkan dari semasa ke semasa. Ujian tanah dalaman pula dijalankan pada sampel yang dikumpul pada setiap hari selepas kerja pembersihan dilakukan. Pasukan pemantau terdiri daripada anggota Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia Malaysia.

Bahan enapcemar yang dikutip sehingga jam 12 tengahari hari ini dianggarkan sebanyak 990 tan metrik dan jumlah air yang dikumpul adalah lebih kurang 1,650 tan metrik.

- Tamat -

Pertanyaan lanjut, sila hubungi: Sharudin Rosli, Jabatan Alam Sekitar, Tel: 0388712371